

BAHAGIAN DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK

- i. Bertindak sebagai *focal person* dan ahli dalam lembaga ICAO PKD, *New Technology Working Group (NTWG)*, *Director General of Immigration Departments and The Heads of Consular Affairs Division Of the Ministries of Foreign Affairs (DGICM)* bagi membincangkan isu keimigresenan dan keselamatan
- ii. Menggubal strategi dan bertindak dalam penyediaan Pelan Strategik, Pelan Transformasi, Pelan Kesyntambungan Perkhidmatan (PKP) serta memantau pencapaian Indeks Petunjuk Prestasi Menteri Dalam Negeri dan Ketua Pengarah serta program-program NBOS
- iii. Merancang dan mempergiatkan program-program peningkatan imej Jabatan untuk memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan melalui keberkesanan promosi dan penyampaian maklumat mengenai dasar, strategi komunikasi media masa berkesan dan pengendalian aduan perkhidmatan yang sistematik
- iv. Memastikan hala tuju Jabatan selaras dengan pernyataan visi dan misi melalui sesi *engagement* bersama rakan strategik dan kolaborasi bertunjangkan konsep NBOS
- v. Memantau isu-isu semasa Jabatan dan mengesyorkan pendirian dan pendekatan isu yang berkaitan melalui penyediaan ulasan, maklumbalas, nota dan memorandum bagi Jemaah Menteri, Mesyuarat Pasca Kabinet, Mesyuarat Pengurusan Tertinggi dan Mesyuarat *Top 10*
- vi. Melaksanakan kajian impak mengenai pelaksanaan projek pembangunan melalui penilaian *outcome* secara tahunan
- vii. Merancang dan menyelaraskan program-program Jabatan berdasarkan objektif strategik melalui saluran dan rakan strategik untuk memastikan *stakeholders* mendapat maklumat tepat berkaitan fungsi dan perkhidmatan Jabatan